

Pemberian kepada kerajaan negeri dinaikkan 25 peratus

Oleh **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang atau *Capitation Grant* kepada kerajaan negeri dipertingkatkan sebanyak 25 peratus atau RM109 juta kepada RM548 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia merupakan kali pertama kadar *Capitation Grant* disemak sejak tahun 2002.

Katanya, perkara itu antara persetujuan utama yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara se-

malam.

Menurut Anwar, kerajaan bertekad untuk merapatkan kerjasama dengan semua kerajaan negeri, tanpa mengambil kira fahaman dan kecenderungan politik agar khidmat kepada rakyat dapat disempurnakan dengan baik.

“Acap kali saya ingatkan bahawasanya apabila berkhidmat untuk rakyat, hubungannya dengan semua kerajaan negeri harus kekal utuh demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.

“Antara persetujuan utama yang telah diluluskan adalah

peningkatan kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang atau *Capitation Grant* kepada kerajaan negeri sebanyak 25 peratus atau RM109 juta kepada RM548 juta. Ini merupakan kali pertama kadar *Capitation Grant* ini disemak sejak tahun 2002.

“Kerajaan juga telah meningkatkan Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri kepada RM9.8 bilion untuk tahun 2025 ketimbang RM9.3 bilion pada tahun lalu,” katanya dalam kenyataan, semalam

Anwar sebelum itu memengerusikan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2025 di Kom-

pleks Kementerian Kewangan di Putrajaya.

Mesyuarat itu merupakan platform perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi menetapkan dasar serta pelaksanaan berkaitan pengurusan kewangan negara.

Antara bidang kuasa majlis tersebut termasuk membincang dan memutuskan pemberian kepada kerajaan negeri.

Turut hadir, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, jemaah menteri-menteri besar, barisan ketua menteri serta ahli-ahli mesyuarat.



ANWAR Ibrahim; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof bergambar bersama Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar sempena Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2025 di Putrajaya, semalam.